



GARIS PANDUAN

PERMOHONAN LESEN

PENJAJA

**MAJLIS PERBANDARAN
SUNGAI PETANI
APRIL 2021**

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak terutamanya kepada peniaga kecil berkaitan panduan dan tatacara permohonan lesen penjaja di seluruh kawasan Majlis Perbandaran Sungai Petani dengan mengambil kira keperluan peruntukan undang-undang, konsep perniagaan dan kesesuaian kawasan setempat untuk menjalankan aktiviti jajaan.

1.1 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memudah cara serta memberi panduan kepada peniaga-peniaga kecil dalam proses mendapatkan lesen perniagaan mengikut peraturan dan standard yang ditetapkan.

1.2 PUNCA KUASA

Garis Panduan ini mengambilkira peruntukan Akta dan Undang-Undang Kecil seperti di bawah :

- 1.2.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 1.2.2 Undang-Undang Kecil Penjaja Dan Gerai (Majlis Perbandaran Sungai Petani) 2009

2.0 OBJEKTIF PELESENAN PENJAJA

Mengawalselia dan melesenkan penjaja-penjaja di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sungai Petani dengan mengambilkira keperluan peruntukan undang-undang, konsep perniagaan dan kesesuaian kawasan setempat untuk aktiviti penjajaan.

3.0 KAEDEAH PERMOHONAN

Semua permohonan baharu, pembaharuan dan pertukaran butiran maklumat lesen perniagaan hendaklah dikemukakan secara manual di :

**KAUNTER BAHAGIAN PELESENAN,
ARAS 1, MENARA MPSPK, JALAN PATANI,
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
TEL : 04-4296753 / 6729**

4.0 KETERANGAN

Suatu tempoh kelulusan lesen adalah sah sehingga 31 Disember bagi tahun tersebut dan hendaklah diperbaharui bermula 1 Januari bagi tahun berikutnya.

5.0 SEKATAN / PEMBATALAN LESEN PERNIAGAAN

Sekatan atau pembatalan bagi lesen perniagaan boleh dibuat sekiranya pihak Majlis mendapati terdapat perlanggaran apa-apa yang syarat pelesenan yang ditetapkan atau timbul sebarang aduan daipada orang awam ke atas aktiviti jajaan / perniagaan tersebut.

6.0 BILA PERLU DIPOHON

Bagi permohonan baharu, permohonan perlu dikemukakan sebelum aktiviti jajaan / perniagaan itu beroperasi dan bagi permohonan pertukaran butiran maklumat peniagaan adalah selepas pindaan lokasi jajaan / atau nama syarikat atau nama pemilik syarikat atau pindaan Pekongsi bagi pemegang pekongsian atau pindaan Pengarah bagi pemegang syarikat dibuat pada sijil SSM.

7.0 PIAGAM PELANGGAN BAGI PERMOHONAN BARU, PEMBAHARUAN DAN PINDAAN LESEN PERNIAGAAN

BIL.	KATEGORI	TEMPOH KELULUSAN
1.	PERMOHONAN BAHARU	1 - 30 HARI
2.	PEMBAHARUAN LESEN	1 HARI
3.	PINDAAN MAKLUMAT LESEN	1 - 14 HARI
4.	PEMBATALAN LESEN	1 HARI

8.0 LESEN PENJAJA : SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN

8.1 Permohonan Lesen Penjaja ini meliputi aktiviti dan jenis penjaja seperti berikut:

1. Pasar Malam
2. Pasar Pagi
3. Pasar Minggu / Pasar Sehari
4. Uptown
5. Pasar Tani
6. Pasar Majlis
7. Bazarena / Kompleks Penjaja
8. Gerai Majlis
9. Geral Statik (Stall / kiosk dalam premis berlesen)

8.2 Syara-syarat Am

- 8.2.1 Pemohon mestilah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas sahaja yang layak dipertimbangkan;
- 8.2.2 Pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada pengjur / pemilik tapak niaga;
- 8.2.3 Semua permohonan akan diproses berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan;
- 8.2.4 Pemohon perlu menjalankan perniagaan mengikut kelulusan lesen sahaja;

- 8.2.5 Mematuhi syarat dan peraturan yang dikenakan oleh agensi-agensi yang berkaitan dengan barang yang diniaga;
- 8.2.6 Waktu perniagaan mestilah mengikut masa yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani;
- 8.2.7 Pemohon mestilah menjelaskan bayaran yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani;
- 8.2.8 Had bilangan lokasi tapak menjaja bagi setiap lesen yang diluluskan bergantung kepada kelulusan Majlis Perbandaran Sungai Petani;
- 8.2.9 Pemilik lesen hendaklah sentiasa berada di lokasi perniagaan;
- 8.2.10 Tidak dibenarkan menjaja / bermiaga selain daripada tempat-tempat yang dinyatakan dalam lesen;
- 8.2.11 Lesen hendaklah dipamer dengan jelas dan mudah dilihat;
- 8.2.12 Lesen perniagaan ini tidak boleh digunakan / diniaga oleh orang / peniaga lain;
- 8.2.13 Tidak boleh bermiaga dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu lalulintas dan pergerakan orang berjalan kaki;
- 8.2.14 Kebersihan tempat menjaja dan kawasan sekitarnya hendaklah sentiasa dijaga;
- 8.2.15 Pembayaran dan pembaharuan lesen tahunan hendaklah dijelaskan selepas tamat tempoh (31 Disember);
- 8.2.16 Penjaja hendaklah mematuhi arahan lisan / bertulis yang diberikan oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa;
- 8.2.17 Pelesen tidak dibenarkan meletakkan / meninggalkan sebarang peralatan / barang perniagaan seperti meja, payung dan kerusi di tempat perniagaan selepas taman tempoh waktu perniagaan;
- 8.2.18 Tindakan penguatkuasaan (kompaun / pembatalan lesen / rampasan) akan diambil ke atas penjaja yang melanggar peraturan yang ditetapkan;
- 8.2.19 Tindakan undang-undang akan dikenakan kepada pelesen yang gagal mematuhi semua syarat di atas.

8.3 Syarat Khas Pengendali Makanan

- 8.3.1 Semua pengendali makanan (pelesen dan pembantu) yang terlibat di dalam penyediaan atau penyajian makanan hendaklah ;
- 8.3.1.1 Mengambil suntikan pelalian Anti-Typhoid dan sihat sebelum menjalankan aktiviti perniagaan;
- 8.3.1.2 Setiap pengusaha / pengendali makanan diwajibkan menghadiri Kursus Asas Pengendalian Makanan;
- 8.3.1.3 Setiap pekerja perlu memakai apron, penutup kepala dan kasut yang bertutup semasa mengendalikan makanan/minuman;
- 8.3.1.4 Menggunakan peralatan yang bersih, sesuai dan sempurna semasa mengendalikan makanan;
- 8.3.1.5 Menggunakan penyeprit / sudu / garfu / senduk semasa mengambil / mengendali makanan yang telah siap dimasak;
- 8.3.1.6 Berkuku pendek dan sentiasa bersih;
- 8.3.1.7 Tidak memakai barang kemas, meludah, merokok atau mengunyah sirih/pinang semasa menjalankan perniagaan dan memastikan kebersihan diri sentiasa menjadi amalan; dan
- 8.3.1.8 Mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani.
- 8.3.2 Menyediakan bekalan air bersih yang dirawat dan mencukupi.
- 8.3.3 Tidak membuang sisa perniagaan ke dalam sistem perparitan. Semua bahan-bahan yang tidak digunakan tidak boleh dibuang di mana • mana tetapi perlu

diuruskan dengan betul atau dimusnahkan. Tiada seorang penjaja boleh menyebabkan atau membenarkan, meletakkan, menumpahkan, menaburkan atau membuang apa-apa darah, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau tempat awam.

- 8.3.4 Semua sampah dan lebihan makanan hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastic sebelum dibuang ke dalam tong sampah. Tong sampah yang disediakan mestilah bersesuaian dan bertutup.
- 8.3.5 Semua gerai makanan hendaklah memasang perangkap minyak (*grease trap*)*.**
- 8.3.6 Memastikan semua makanan ditutup atau dipamerkan di tempat yang khas supaya ia tidak akan dicemari oleh lalat, lipas dan lain-lain serangga.
- 8.3.7 Semua bahan-bahan yang digunakan dalam masakan perlu disimpan dalam bekas bertutup dan dilabelkan.
- 8.3.8 Dilarang menganggu perjalanan trafik, menghalang atau menganggu pejalan kaki.
- 8.3.9 Tidak dibenarkan meletak kerusi / meja tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Sungai Petani.
- 8.3.10 Tidak dibenarkan menggunakan kertas bercetak(contoh: surat khabar) untuk membungkus atau melapik makanan.
- 8.3.11 Telur hendaklah dibasuh dengan sempurna sebelum dimasak.
- 8.3.12 Tidak dibenarkan meninggalkan peralatan menjual selepas tamat perniagaan.
- 8.3.13 Pihak pemegang lesen perlu menyediakan tong khusus yang bertutup untuk sisa buangan minyak.

8.4 Syarat Tambahan bagi Penjaja Berkenderaan / Trak

8.4.1 Bagi penjaja yang menggunakan kenderaan diwajibkan mendapatkan kelulusan daripada pihak JPJ dan mematuhi peraturan berkaitan. Reka bentuk kenderaan (sama ada stall beroda), Van rigid (terbuka) mestilah strukturnya disediakan sebagaimana diluluskan oleh Pihak Berkuasa yang berkaitan.

8.5 Kawasan Larangan Menjaja

- 8.5.1 Dalam lingkungan 9 meter (30 kaki) dari simpang jalan;
- 8.5.2 Dalam lingkungan 3.6 meter (10 kaki) dari pili bomba;
- 8.5.3 Di atas tangga, siar kaki lima, kaki lima awam, pepulau atau saluran perparitan longkang.
- 8.5.4 Mana-mana jalan atau bahagian sesuatu jalan dalam lingkungan 40 meter dari sesuatu jalan masuk atau jalan keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam atau kawasan perdagangan yang diperuntukan bagi penjaja• penjaja;
- 8.5.5 Semua tempat letak kereta awam / semua perhentian bas, stesen bas / tempat hentian teksi dan kawasan sekitar bangunan pejabat Kerajaan dan tempat-tempat awam / lain-lain kawasan atau jalan kecuali dengan kebenaran Yang Dipertua.
- 8.5.6 Di jalan Persekutuan yang sibuk dan jalan utama.
- 8.5.7 Apa-apa jenis penjajaan di atas jalan raya.
- 8.5.8 Di jalan yang tidak mempunyai ruang letak kereta di mana pelanggan yang berurus akan meletak kenderaan diatas jalan raya dan menimbulkan kacau ganggu lalu lintas.
- 8.5.9 Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti mencuci peralatan perniagaan di tapak perniagaan.

9.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

9.1 SYARAT-SYARAT UMUM PELESENAN

9.1.1 Syarat Permohonan

Pemohon perlu memajukan permohonan menggunakan borang yang disediakan dan melampirkan dokumen sokongan yang diperlukan mengikut aktiviti perniagaan.

9.1.2 Kadar Bayaran Lesen

9.1.2.1 Kadar bayaran lesen ditentukan berdasarkan aktiviti perniagaan yang akan dijalankan seperti di **Perkara 12.0**.

9.1.2.2 Pemegang lesen akan dikenakan bayaran 20 peratus dari kadar lesen bagi tujuan pertukaran nama pemegang lesen, nama syarikat dan jenis perniagaan.

9.1.3 Mempamerkan Lesen

Lesen hendaklah dipamerkan di lokasi jajaan / perniagaan berkenaan pada setiap masa.

9.2 SYARAT KHUSUS PERMOHONAN LESEN PENJAJA

9.2.1 Dokumen Yang Diperlukan:

- 9.2.1.1 Borang permohonan Lesen Penjaja Statik / Bergerak / Kiosk
- 9.2.1.2 Salinan Kad Pengenalan pemohon/ passport;
- 9.2.1.3 Salinan pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- 9.2.1.4 2 keping gambar berukuran passport;
- 9.2.1.5 Salinan Kad Suntik;
- 9.2.1.6 Salinan Geran Kenderaan (Bagi penjaja bergerak);
- 9.2.1.7 Surat kebenaran daripada pemilik tanah (bagi tanah persendirian)
- 9.2.1.8 Lesen menduduki sementara (bagi tanah milik kerajaan)
- 9.2.1.9 Surat kebenaran dari pemilik restoran atau pasaraya (bagi stall / kiosk dalam premis berlesen)
- 9.2.1.10 Surat sokongan dari persatuan penjaja (bagi pasar malam / pagi / tani)
- 9.2.1.11 Lakaran pelan tapak / lokasi; dan
- 9.2.1.12 Gambar gerai

PERINGATAN

Permohonan yang tidak disertakan dokumen sokongan yang lengkap akan **DITOLAK**.

9.3 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN

Pembaharuan lesen hendaklah dilakukan oleh pemohon selepas tamat tempoh lesen tersebut (31 Disember) iaitu bermula pada 01 Januari tahun berikutnya.

9.3.1 Dokumen Yang Diperlukan:

- 9.3.1.1 Lesen asal perniagaan;

9.4 PERMOHONAN PERTUKARAN MAKLUMAT/ARTIKEL LESEN

(Tukar nama pemegang lesen/nama syarikat/jenis perniagaan atau tambah / tukar artikel lesen perniagaan)

9.4.1 Dokumen Yang Diperlukan:

- 9.4.1.1 Surat permohonan pertukaran nama pelesen atau syarikat;
- 9.4.1.2 Lesen perniagaan asal;
- 9.4.1.3 2 keping gambar pelesen baru berukuran passport;
- 9.4.1.4 Salinan kad pengenalan/passport;
- 9.4.1.5 Surat kuasa yang ditandatangani pengarah (jika penama lesen bukan pengarah syarikat);
- 9.4.1.6 Salinan Pendaftaran (SSM) yang terbaru (pertukaran nama pelesen/aktiviti perniagaan);
- 9.4.1.7 Borang 13, Perakuan Pemerbadanan Atas Pertukaran Nama Syarikat (jika tukar nama syarikat);
- 9.4.1.8 Borang 49, Borang 24 (jika tukar nama Pengarah); dan
- 9.4.1.9 Bayaran proses sebanyak 20% daripada jumlah kadar lesen

9.5 PEMBATALAN LESEN

9.5.1 Dokumen Yang Diperlukan:

Memajukan surat permohonan pembatalan lesen perniagaandan dinyatakan sebab-sebab pembatalan dan disertakan lesen perniagaan asal yang dikeluarkan oleh MPSPK.

PERINGATAN

Di bawah Seksyen 13, Undang-Undang Kecil Penjaja Dan Gerai (Majlis Perbandaran Sungai Petani) 2009 :

Yang Dipertua boleh tanpa memberi apa-apa sebab, pada bila-bila masa, membatalkan mana-mana lesen jika pemegang lesen gagal memenuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat atau sekatan- sekatan lesen itu.

10.0 SENARAI BAYARAN (FI PROSES)

JADUAL

Bil.	Tujuan	Keterangan	FI PROSES (RM)
1.	Proses permohonan lesen Penjaja	Setiap permohonan	Tiada kenaan caj
2.	Pembaharuan lesen penjaja	Setiap permohonan	Sama seperti kadar lesen yang dikenakan
2.	Proses pindah butiran lesen Penjaja	Setiap permohonan	Bayaran proses sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan kadar lesen

* Caj fi lesen adalah mengikut jenis perniagaan yang dijalankan

11.0 KAEADAH PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN KEPADA PEMOHON

OUTPUT	LULUS / TIDAK LULUS
Kaedah penyampaian keputusan kepada pemohon	Pemohon akan dimaklumkan melalui surat rasmi dan bagi permohonan yang diluluskan, pembayaran perlu dilakukan dalam tempoh 14 hari bagi mengelakkan kelulusan lesen tersebut terbatal.

12.0 FI LESEN PENJAJA

JADUAL PERTAMA

Fi yang kena
dibayar setahun

- | | |
|---|--------------------------|
| 1. Penjaja Beredar | Tidak melebihi RM 300.00 |
| 2. Penjaja statik | Tidak melebihi RM 300.00 |
| 3. Penjaja sementara – | |
| a. Sebulan bagi satu petak | Tidak melebihi RM 90.00 |
| b. Sehari atau semalam
bagi satu petak | Tidak melebihi RM 3.00 |

13.0 CONTOH BORANG PERMOHONAN

13.1 Borang Pemohonan Lesen Penjaja Statik / Bergerak / Kiosk

No.Siri :

No Resit

Bayaran :



**BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN KESIHATAN
MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**

Tel : 04-4296666 Fax : 04-4296655

PERMOHONAN LESEN PENJAJA STATIK / BERGERAK / KIOSK

BUTIR – BUTIR PEMOHON

Nama Pemohon :

No. K/P : Umur : (Lelaki / Perempuan)

Bangsa : Agama :

Alamat Kediaman :

.....
Warganegara : E-Mail :

Nama Suami/Isteri :

No. K/P :

BUTIR – BUTIR LESEN

Jenis Lesen Dipohon : (Penjaja Statik / Bergerak / Kiosk)

Tempat Berniaga :

.....
Jenis Jualan : Masa Jualan :

Peralatan Berniaga :

Jumlah Modal : RM Tarikh Mula Berniaga :

Lain – Lain Keterangan : Saiz Iklan :

No.Tel. H/P : No. Tel. Rumah :

DOKUMEN – DOKUMEN SOKONGAN			
GAMBAR PEMOHON	3	SALINAN KAD PENGENALAN	1
GAMBAR GERAI - BERWARNA (jarak jauh & dekat)	2	PELAN TAPAK / LOKASI (lakaran komputer)	2
SALINAN KAD SUNTIK (jika menjual makanan)	1	SURAT KEBENARAN DARI PEMILIK TANAH/ LESEN MENDUDUKI SEMENTARA(LMS) / SURAT KEBENARAN DARI PEMILIK RESTORAN / SURAT SOKONGAN DARI PERSATUAN PENJAJA	1
SALINAN GERAN VAN/ DAFTAR PERNIAGAAN (SSM)	1	U. P : PENJAJA BERGERAK (VAN / LORI & FOOD TRUCK) Sila sediakan SURAT AKUAN BERSUMPAH yang DIMATIKAN SETEM dan perlu dimasukkan syarat : <i>'Tidak akan meletak / meninggalkan sebarang peralatan niaga di kawasan jajaan'</i>	1

PENGAKUAN PEMOHON

- Saya berjanji tidak akan menukar atau menambah perniagaan saya kecuali setelah mendapatkan kelulusan / kebenaran Majlis terlebih dahulu. Saya juga berjanji akan memaklumkan kepada Majlis Perbandaran Sungai Petani jika perniagaan saya diberhentikan, berpindah milik atau berpindah tempat.
- Saya mengaku bahawa saya akan mematuhi syarat-syarat dan kehendak-kehendak yang berkaitan dengan pengeluaran lesen. Jika saya gagal berbuat demikian maka tindakan undang-undang termasuk menarik balik atau membatal lesen boleh diambil.
- Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberi adalah benar.

Tarikh : Tandatangan Pemohon :

Nama Pemohon :

13.2 Borang Permohonan Lesen Pasar Malam / Pagi / Tani

JABATAN KESIHATAN
(BAHAGIAN PELESENAK)
MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
JALAN PATANI, 08000 SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN
TEL : 04-4296666 / FAX : 04-4296655
Email : admin@mpspk.gov.my

- SERTAKAN
- 1 KEPING GAMBAR PEMOHON
 - 1 SALINAN I/C

RUJUKAN :

PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA PASAR MALAM / PASAR HARI / PASAR TANI**BUTIR – BUTIR PEMOHON**

NAMA : NO. K/P : UMUR :

NAMA PEMBANTU : NO. K/P : UMUR :

ALAMAT TETAP PEMOHON :

.....

NO. TEL (BIMBIT) : NO. TEL (RUMAH) :

BIL	LOKASI TAPAK YANG DIPOHON DAN HARI	JENIS JUALAN	TANDATANGAN DAN COP PENGERUSI PERSATUAN YANG BERDAFTAR DENGAN MAJLIS

- KADAR BAYARAN PERMIT SETAHUN : RM 10.00 BAGI SATU PETAK / LOKASI
- BAYARAN PERMIT HENDAKLAH DIPERBARUI SETIAP TAHUN YANG BERAKHIR PADA 31 DISEMBER
- MENJALANKAN PEMERIKSAAN KESIHATAN DAN SUNTIKAN TAB (TAB PENGENDALI MAKANAN / MINUMAN SAHAJA
- BORANG YANG LENGKAP DI ISI HENDAKLAH DIKEMBALIKAN KEPADA MAJLIS UNTUK TINDAKAN (BAYARAN PERMIT SEMENTARA HENDAKLAH DIJELASKAN IKUT SETIAP LOKASI YANG DIPOHON).

PENGAKUAN PEMOHON :

SAYA MENGAKU BAHWA SAYA AKAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT DAN KEHENDAK BERKAITAN DENGAN PENGETUAAN PERMIT INI. JIKA GAGAL BERBUAT DEMIKIAN, TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN KE ATAS SAYA TERMASUK MENARIK BALIK DAN MEMBATALKAN PERMIT INI

TANDATANGAN :

TARIKH :

14.0 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN LESEN PENJAJA